



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM MPV DI NEGERI KEDAH DAN PAHANG

MAT ZIN BIN HUSSIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesediaan guru, sokongan dan komitmen pentadbir, kemudahan prasarana dan peralatan, proses pengajaran dan pembelajaran, proses pentaksiran kompetensi pelajar serta pencapaian pelajar dalam program MPV. Model KIPP digunakan untuk menilai pelaksanaan kurikulum MPV berdasarkan objektif dan kerangka konseptual kajian. Kajian ini melibatkan seramai 110 responden guru dan 320 responden pelajar yang dipilih secara rawak berstrata. Instrumen yang digunakan adalah satu set soal selidik, protokol temubual dan senarai semak pemerhatian. Dapatan penilaian input menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal tetapi perlu mempertingkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran teknikal guru sesuai dengan perkembangan semasa. Dapatan juga menunjukkan pentadbir juga memberi sokongan dan komitmen dalam melaksanakan kurikulum MPV. Penilaian proses pula menunjukkan responden bersetuju bahawa proses pengajaran dan pentaksiran dilaksanakan dengan baik berdasarkan pensijilan modular dan pentaksiran kompetensi. Di samping itu, penilaian produk menunjukkan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal serta mempunyai sikap yang positif sesuai dengan matlamat pelaksanaan MPV. Namun, terdapat cadangan dan maklumbalas dari responden agar pengetahuan dan kemahiran guru dipertingkatkan dengan mengikuti kursus dan latihan. Pihak KPM disaran menyediakan peralatan yang mencukupi serta mengemaskini kurikulum MPV sesuai dengan pasaran kerja. Implikasi kajian ini menunjukkan pelaksanaan program MPV perlu penambahbaikan dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal guru serta menambah kemudahan prasarana dan peralatan MPV dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan empirikal, kajian ini mencadangkan transformasi kurikulum dengan menyediakan pendidikan vokasional dan keusahawanan pada peringkat sijil kemahiran di sekolah menengah harian bagi tujuan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran teknikal serta keusahawanan supaya dapat melahirkan graduan teknikal yang lebih dinamik dan berinovasi.





EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF MPV CURRICULUM IN KEDAH AND PAHANG

ABSTRACT

The purposed of this study was to assess the teachers' readiness, administrators' support and commitment, the infrastructure and equipment involved, teaching and learning process, assessment of students' competencies process and students' achievement in MPV programme. The CIPP model was utilised to evaluate the MPV programme based on the objectives and the conceptual framework of the research. A total of 110 teachers and 320 students were selected using a stratified random sampling. The instruments consisted a set of questionnaires, interview protocol and observation checklist. The finding in input domain shows that most respondents believe that teachers possessed adequate knowledge and technical skills but teacher's knowledge and technical skills must be improve in order to meet the present demand. The finding shows the administrators supported the implementation of MPV curriculum. In term of process evaluation, the respondents agreed that the teaching and assessments were done effectively according to the modular and the competency-based approach. The product domain shows that the students possessed the required knowledge and technical skills and exhibited positive attitude in accordance with the objectives of the MPV. Nevertheless, the respondents suggest that teachers' knowledge and skills should be enhanced through attending courses and training. In addition, the Ministry of Education should provide adequate facilities and should improve the MPV curriculum so that the curriculum is in line with labour market. The implication of the research is that the MPV programme needs to be improved by enhancing teachers' knowledge and technical skills. The upgrading of the facilities in the schools is also important to enhance the knowledge and skills of the students. Based on the empirical data, this study also suggests the implementation of the curriculum transformation by providing vocational education at certificate level in secondary schools by focusing on developing knowledge, technical skill and entrepreneurship in order to produce technical graduates who are dynamic and innovative.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kajian Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional	9
1.3	Penyataan Masalah	12
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.5	Tujuan dan Objektif Kajian	19
1.6	Persoalan Kajian	20
1.7	Hipotesis Nol	21





1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Operasional	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	27
2.2	Konsep Pelaksanaan Kurikulum dan Penilaian Kurikulum	28
2.2.1	Pelaksanaan Kurikulum	29
2.2.2	Penilaian Kurikulum	32
2.3	Model Penilaian Kurikulum	35
2.3.1	Model Penilaian Objektif	36
2.3.2	Model Penilaian Penerangan (<i>Illuminative Evaluation</i>)	37
2.3.3	Model Kirkpatrick	38
2.3.4	Model Penilaian KIPP	39
2.4	Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum	43
2.4.1	Guru Sebagai Pelaksana Kurikulum	46
2.4.2	Kemudahan Prasarana dan Peralatan	48



2.4.3	Sokongan dan Komitmen Pentadbir	50
2.4.4	Kesediaan Pelajar	52
2.5	Perancangan dan Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional	54
2.6	Pentaksiran Kompetensi dan Pensijilan Modular	60
2.6.1	Pentaksiran Kompetensi	61
2.6.2	Pensijilan Modular	63
2.6.3	Matlamat Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi dan Pensijilan Modular	66
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Pelaksanaan Kurikulum	68
2.7.1	Kajian Pelaksanaan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	69
2.7.2	Kajian Kediaan Guru Sebagai Pelaksana Kurikulum	78
2.7.3	Kajian Berkaitan Kemudahan Prasarana dan Peralatan	82
2.7.4	Kajian Komitmen dan Sokongan Pihak Pentadbir	84
2.7.5	Kajian Berkaitan Kediaan Pelajar	88
2.8	Rumusan	91

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	94
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	95
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	97
3.4	Instrumen Kajian	98
3.4.1	Soal Selidik	100
3.4.2	Protokol Temu Bual	104
3.4.3	Senarai Semak Pemerhatian	105
3.5	Kajian Rintis	105
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	107
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	108
3.8	Penganalisisan Data	109
3.9	Rumusan	112





BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Profil Responden	114
4.2.1	Profil Guru MPV	114
4.2.2	Profil Pelajar MPV	117
4.3	Dapatan Responden Guru	118
4.3.1	Penilaian Input Guru	119
4.3.2	Penilaian Proses Guru	124
4.3.3	Penilaian Produk Guru	129
4.4	Dapatan Responden Pelajar	132
4.4.1	Penilaian Input Pelajar	132
4.4.2	Penilaian Proses Pelajar	137
4.4.3	Penilaian Produk Pelajar	141
4.5	Dapatan Pengujian Hipotesis Kajian	144
4.5.1	Pengujian Hipotesis Nol 1	144
4.5.2	Pengujian Hipotesis Nol 2	145



4.5.3	Pengujian Hypothesis Nol 3	146
4.6	Dapatan Kualitatif	147
4.6.1	Item Terbuka	147
4.6.2	Data Temu Bual	152
4.6.3	Data Analisis Pemerhatian Dokumen	167
4.7	Rumusan	170

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	172
5.2	Rumusan Kajian	173
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	175
5.3.1	Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kurikulum MPV	175
5.3.2	Kemudahan Prasarana dan Peralatan MPV	177
5.3.3	Komitmen dan Sokongan Pentadbir dalam Pelaksanaan MPV	179
5.3.4	Proses Pengajaran dan Pembelajaran MPV	180
5.3.5	Proses Pentaksiran Kompetensi dan Pensijilan Modular	182
5.3.6	Pencapaian Pelajar dalam Pelaksanaan Kurikulum MPV	184



5.4	Implikasi Kajian	185
-----	------------------	-----

5.5	Cadangan	189
-----	----------	-----

5.6	Penutup	190
-----	---------	-----

RUJUKAN	192
----------------	-----

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Senarai 22 Mata Pelajaran	55
2.2 Perbezaan Sistem Pentaksiran Tradisional dan PKPM	64
3.1 Taburan Populasi Kajian di Sekolah	91
3.2 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	100
4.1 Profil Responden Guru	108
4.2 Profil Responden Kajian Pelajar	111
4.3 Min dan Sisihan Piawai Kesyediaan Guru	113
4.4 Min dan Sisihan Piawai Kemudahan Prasarana	115
4.5 Min dan Sisihan Piawai Komitmen dan Sokongan Pentadbir Menurut Persepsi Guru	117
4.6 Min dan Sisihan Piawai Proses Pdp Menurut Persepsi Guru	119
4.7 Min dan Sisihan Piawai Proses PKPM Menurut Persepsi Guru	121
4.8 Min dan Sisihan Piawai Pencapaian Pelaksanaan MPV Menurut Persepsi Guru	128
4.9 Min dan Sisihan Piawai Kesyediaan Guru Menurut Persepsi Murid	133
4.10 Min dan Sisihan Piawai Kemudahan Prasarana Menurut Persepsi Murid	135
4.11 Min dan Sisihan Piawai Proses Pdp Menurut Persepsi Murid	137
4.12 Min dan Sisihan Piawai Proses PKPM Menurut Persepsi Murid	139





4.13	Min dan Sisihan Piawai Pencapaian Pelaksanaan MPV Menurut Persepsi Pelajar	142
4.14	Kolerasi antara Penilaian Input dan Penilaian Proses	143
4.15	Kolerasi antara Penilaian Input dan Penilaian Produk	144
4.16	Kolerasi antara Penilaian Penilaian Proses dan Penilaian Produk	145
4.17	Analisis Kelebihan Pelaksanaan Kurikulum MPV	147
4.18	Analisis Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum MPV	148
4.19	Analisis Persetujuan Terhadap Pelaksanaan Kurikulum MPV	149
4.20	Analisis Masalah Pelaksanaan Kurikulum MPV	150
4.21	Analisis Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Kurikulum MPV	151
4.22	Analisis Senarai Semak Pemerhatian Pelaksanaan Kurikulum MPV	166





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
2.1	Model Penilaian KIPP	42





SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LK	Lukisan Kejuruteraan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKPM	Pentaksiran Kompetensi dan Pensijilan Modular
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
PTK	Program Transformasi Kerajaan
RMK	Rancangan Malaysia
S.P	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

A	SOAL SELIDIK GURU
B	SOAL SELIDIK PELAJAR
C	PROTOKOL TEMUBUAL
D	SENARAI SEMAK PEMERHATIAN
E	SURAT KEBENARAN BPPDP
F	SURAT KEBENARAN JPN
G	BORANG SEMAK PENGESAHAN INSTRUMEN
H	DAPATAN ANALISIS DATA
I	DAPATAN TEMUBUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi yang berkembang pesat dengan pelbagai kemajuan sains dan teknologi menjadikan sistem pendidikan semakin penting untuk memastikan sebarang perubahan dan inovasi dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa pelbagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan negara tidak ketinggalan dengan arus perkembangan globalisasi kearah mencapai wawasan 2020.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Menurut Ramlee (2013), Malaysia sedang berusaha untuk mengalihkan ekonominya daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada berasaskan pengetahuan ekonomi (k-ekonomi). Adalah amat penting bagi Malaysia menjadikan pendidikan dan program-program pembangunan kemahiran direka untuk memenuhi keperluan k-ekonomi. Oleh itu, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) perlu dimantapkan untuk menyediakan tenaga kerja teknikal dan mahir di Malaysia dalam memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Gagasan Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 1991 yang berhasrat menjadikan Malaysia negara perindustrian sekaligus negara maju. Wawasan 2020 telah menggariskan sembilan cabaran yang harus diatasi sebelum Malaysia mencapai taraf negara maju sepenuhnya. Cabaran yang keenam dalam Wawasan 2020 iaitu, membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat `memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Menurut Ahmad et al. (2012), PTV berperanan penting dalam merapatkan jurang antara kurikulum dengan alam pekerjaan dan merupakan salah satu pemangkin kepada peningkatan ekonomi negara untuk merealisasikan wawasan 2020. Oleh itu, usaha-usaha dalam bidang pendidikan dan latihan perlu diteruskan untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan penumpuan terhadap sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa tanggungjawab, berdaya cipta dan berupaya memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara yang harmoni, makmur dan bersatu.

Hasrat dan harapan negara terhadap latihan dan pendidikan dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional adalah tinggi. Kepincangan di dalam sistem latihan atau pendidikan teknikal dan vokasional akan mengakibatkan kurangnya tenaga mahir yang berketrampilan, seterusnya menyebabkan pertumbuhan industri akan menjadi lembab dan pengeluaran nasional akan menjadi lemah (Yahya, 2005). Sehubungan dengan itu, pendidikan di Malaysia sewajarnya berkembang selaras dengan keperluan dan cabaran semasa yang mampu untuk memberi sumbangan kepada pembangunan, baik kepada pembangunan modal insan mahupun kepada pembangunan negara.

Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010) telah menunjukkan kesungguhan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meningkatkan mutu sistem pendidikan negara dengan memperkasakan strategi pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan kompetensi guru dan pembudayaan teknologi maklumat dan komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Matlamat PIPP adalah untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua berdasarkan kepada enam teras strategik PIPP iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan, melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Ini menunjukkan sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju (Zarin, 2013).

Dalam usaha mencapai taraf negara maju, Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau Government Transformation Program (GTP) dilancarkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan asas bagi transformasi negara ke arah menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP) mensasarkan untuk meningkatkan pendapatan negara kasar perkapita Malaysia dari RM 23,700 pada 2009 kepada RM 48,000 menjelang 2020 serta mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan. Program ini memfokuskan kepada 12 bidang ekonomi utama negara. Empat bidang utama dalam PTK (minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, peruncitan dan pembekalan) merupakan 60% daripada sumber pendapatan negara, manakala pendidikan juga merupakan salah satu sektor utama daripada 12 bidang keberhasilan ekonomi utama negara (NKEA) (Unit Perancang Ekonomi, 2010; Ramlee, 2013).

PTK dirancang berdasarkan kepada Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) 2011-2015. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), kerajaan mengguna pakai rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat di sepanjang kitar hayat, bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas, pendidikan tertiar sehingga ke alam pekerjaan dengan melaksanakan strategi berikut, iaitu merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan, meningkatkan kemahiran rakyat untuk meluaskan kebolehan pasaran dan menyusun semula pasaran pekerjaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10) memperlihatkan satu perubahan ketara dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) di Malaysia. Langkah mengarus perdanakan dan memperluas akses kepada Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang berkualiti dengan meningkatkan kompetensi siswazah bagi menyediakan mereka memasuki pasaran pekerjaan melalui pengukuhan kerjasama industri dan penyelidikan (Amiruddin, 2011). Melalui program latihan praktikum industri pelajar diberi pendedahan dan peluang mempersiapkan diri sebelum menceburi bidang pekerjaan yang sebenar. Penglibatan sektor swasta dalam penyediaan tempat latihan melalui perkongsian awam-swasta juga akan dipertingkatkan. Kursus berorientasikan pasaran juga turut ditambah bagi memudahkan transisi pelajar ke dalam pasaran pekerjaan. Latihan berasaskan industri diberikan kepada siswazah bagi meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran keusahawanan bagi memudahkan siswazah menjalankan projek dan kajian (Amiruddin, 2011). Diharap melalui perancangan dan strategi ini masalah untuk melahirkan siswazah yang berkualiti dan memenuhi tenaga kerja mahir dan separa mahir dapat dipertingkatkan.

Pembangunan modal insan bertaraf dunia di Malaysia memerlukan usaha yang komprehensif dan bersepadu daripada sektor awam dan swasta serta masyarakat. Sehubungan ini, kolaborasi antara pelbagai kementerian dan sektor swasta perlu diperkukuhkan untuk meningkatkan keberkesanan pembangunan modal insan dan memanfaatkan semua lapisan masyarakat. Pendekatan holistik akan memenuhi keperluan setiap rakyat Malaysia di sepanjang peringkat kehidupan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Menurut Ramlee (2013), hubungan yang lemah antara pusat latihan dan industri akan menyebabkan modal insan yang dikeluarkan tidak dapat memenuhi



keperluan tenaga kerja yang diperlukan. Justeru, salah satu strategi yang dirancang oleh Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) ialah memantapkan jalinan hubungan dengan institut pengajian tinggi awam dan swasta, serta agensi latihan awam dan swasta untuk pembangunan PTV (Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional, 2010). Oleh itu, penting pendidikan yang dirancang dan dilaksana dapat melahirkan modal insan yang relevan dengan keperluan semasa dan mampu menghadapi saingan global.

Sehubungan itu, Program Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang dilancarkan pada tahun 2011 adalah usaha untuk memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional. Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan usaha merekayasa kurikulum, institusi, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, tadbir urus dan sumber manusia sehingga terbina sistem pendidikan vokasional yang baharu. Proses dilaksana menerusi lima strategi merangkumi: (i) transformasi kurikulum pendidikan vokasional, (ii) transformasi institusi pendidikan vokasional, (iii) kolaborasi dengan rakan strategik dalam industri, (iv) transformasi pentaksiran pendidikan vokasional dan (v) transformasi organisasi pendidikan vokasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011; Ramlee, 2013). Transformasi Pendidikan Vokasional memberi fokus terhadap komponen kebolehpkerjaan graduan. Keberhasilan usaha transformasi ini ialah pendidikan vokasional era 2020 yang berupaya memberi sumbangan yang signifikan kepada agenda kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Matlamat TPV adalah menghasilkan lepasan pendidikan menengah rendah yang memiliki sijil kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan





kebangsaan, menghasilkan, lepasan pendidikan menengah rendah yang bersedia melanjutkan pelajaran vokasional ke peringkat lebih tinggi, menghasilkan lepasan sekolah menengah atas yang memiliki sijil atau diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan dan menghasilkan lepasan pendidikan atas yang berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Untuk membangunkan dan memajukan negara perancangan dan pelaksanaan yang teliti perlu dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi dan sains dalam era globalisasi. Menurut Ramlee (2013), kepesatan negara terletak pada modal insan dan kekuatan tenaga kerjanya serta bergantung kepada kualiti pendidikan. Menurutnya lagi, pendidikan adalah kekuatan penting dalam membangunkan modal insan yang berbakat, berguna, berkemahiran dan melahirkan sumber manusia yang inovatif di Malaysia. Pendidikan terus memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan mengubah Malaysia untuk dekad yang seterusnya.



Diharapkan melalui segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan potensi setiap murid dapat ditingkatkan dan tiada lagi murid yang tercicir dari arus pendidikan negara. Justeru, langkah kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dalam pendidikan adalah wajar untuk memperkasa kualiti pendidikan selaras dengan kemajuan dan perkembangan negara. Pengenalan sesuatu dasar tidak dapat dielakkan kerana dasar adalah sebahagian daripada usaha untuk membina kehidupan yang lebih baik dan progresif daripada yang sedia ada (Mohd Majid, 2008; Sufean Hussin, 2009). Pelaksanaan sesuatu dasar yang baru dalam pendidikan bermakna perubahan dalam pendidikan juga akan berlaku sama ada dalam aspek kurikulum, pedagogi, penilaian dan sebagainya. Dalam sistem pendidikan, perubahan yang dimulakan itu perlu memberi kesan positif, tetapi itu bukanlah satu perkara yang mudah. Menurut





Ornstein dan Hunkins (2009), untuk memastikan perubahan kurikulum berjaya, inovasi yang direka hendaklah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan bukan sekadar untuk menceminkan perubahan pada dasarnya sahaja dan inovasi yang dilaksanakan memerlukan perubahan yang ketara dari struktur pendidikan yang lebih baik, seperti interaksi antara guru dan pelajar perlu diubah ke arah yang lebih baik.

Dalam era ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan maklumat (k-ekonomi), permintaan terhadap tenaga pekerja teknikal dan vokasional terutamanya kumpulan mahir dan separa mahir semakin meningkat akibat kepesatan ekonomi negara yang menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020 (Ramlee, 2013). Sumber manusia adalah aset yang paling penting dalam memenuhi hasrat ini. Latihan kemahiran adalah satu strategi berkesan ke arah penyediaan guna tenaga negara. Menyedari hakikat ini, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) diperkenalkan pada tahun 2002 untuk melahirkan individu dan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran dan terlatih dalam perkara asas dalam bidang pekerjaan yang telah dikenal pasti (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Walaupun aliran teknikal dan vokasional telah dilaksanakan di sekolah menengah teknik dan terkini kolej vokasional namun, dengan pelaksanaan MPV dapat memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka serta dapat memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik.

Sejak MPV dilaksanakan pelbagai kajian yang dilakukan berkaitan pelaksanaan kurikulum yang meliputi aspek guru, pelajar, kurikulum, pentaksiran dan sebagainya. Namun kajian-kajian tersebut kurang menilai MPV secara menyeluruh.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan MPV berdasarkan persepsi





guru dan persepsi pelajar untuk memastikan matlamat pelaksanaan MPV dapat dicapai. Kegagalan melaksanakan MPV dengan baik dan berkesan bermakna pembaziran masa, tenaga dan sumber kewangan. Di samping itu, pelajar yang sepatutnya mendapat peluang sepenuhnya tidak mendapat kemahiran yang diharapkan jika kemudahan fizikal serta peralatan bengkel tidak memuaskan. Kualiti guru MPV boleh dipertikaikan dari segi pengetahuan dan kemahiran jika pelaksanaan MPV tidak mencapai matlamat yang dihasratkan. Ini memberi kesan kepada negara untuk melahirkan modal insan yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan negara jika kualiti MPV di sekolah menengah harian tidak diberi perhatian sewajarnya.



Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara, khususnya jika mahu menjadi negara perindustrian (Yahya, 2005; Ramlee, 2013). Ini tidak terkecuali kepada Malaysia, yang sedang berusaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 atau lebih awal daripada itu, (Shahril & Habib, 1999). PTV adalah bertujuan menyediakan platform untuk pelajar yang cenderung kepada bidang teknikal dan vokasional bermula di peringkat menengah atas. Pendidikan teknikal memberi ruang sehingga pelajar mampu melanjutkan pengajian ke tahap lebih tinggi manakala pendidikan vokasional memberi peluang kepada pelajar mendapat pengetahuan asas vokasional dan

